

KANDUNGAN LIPUTAN HARIAN BULAN OGOS 2023

BIL.	TARIKH	TAJUK BERITA	MEDIA	MUKA SURAT
1.	01.08.2023	PM Mahu Sistem Perolehan Aset Tentera Dirombak	Sinar Harian	2
2.	3 Ogos 2023	Tiga Direman Buat Tuntutan Rondaan Palsu lebih RM100,000	Harian Metro	3
3.	6 Ogos 2023	Mampu Tangani Cabaran, Krisis Keterjaminan Makanan	Sinar Harian	4
4.	6 Ogos 2023			5
5.	10 Ogos 2023	Guru Besar Terlibat Rasuah Dijel Sehari, Denda RM10,000	Kosmo	6
6.	10 Ogos 2023	Kontraktor Tak Mengaku Guna Dokumen Palsu	Harian Metro	7
7.	10 Ogos 2023	Local Wholesale, Retail Trade Expands In June	The Sun	8
8.	17 ogos 2023	OP BPT Bantu Banteras Penyelewengan Beras	Sinar Harian	9
9.	18 Ogos 2023	91 Klinik Daif Sudah Dinaik Taraf : Dr. Zaliha	Harian Metro	10
10.	18 Ogos 2023	Ingkar Perintah PAC Satu Kesalahan	Kosmo	11
11.	18 Ogos 2023	KKM Baik Pulih 91 Klinik Daif, Usang	Sinar Harian	12

1 OGOS 2023 | SELASA | SINAR HARIAN | MUKA SURAT : 14

14 NASIONAL

SELASA 1 OGOS 2023 • SINAR HARIAN

Bagi memastikan tiada lagi pihak luar kaut komisen yang keterlaluan

KUALA LUMPUR

PM mahu sistem perolehan aset tentera dirombak

FOTO: BERHAMA

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu sistem perolehan aset Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dirombak bagi memastikan tiada lagi pihak luar dapat mengaut komisen yang keterlaluan daripada proses perolehan aset.

Beliau berkata, rombakan itu harus dibuat kerana kesiapsiagaan kelengkapan aset pertahanan negara seperti kapal, pesawat dan kereta kebal tidak selaras dan sejajar dengan pertumbuhan ekonomi serta kedudukan geopolitik dan strategik Malaysia.

"Mengapa saya pilih sebut perkara ini kepada saudara sekalian kerana bagi veteran, bagi pasukan tentera dan tentunya bagi kita semua rakyat, kesiapsiagaan negara dalam bidang pertahanan itu adalah urusan yang penting.

"Jadi kita anjurkan (sarankan) kepada pimpinan tentera bahawa sistem perolehan mesti di-

rombak, tidak boleh lagi campur tangan daripada pihak luar.

"Ketua-ketua turus dipertanggungjawabkan untuk memilih kapal perang, pesawat, kereta kebal dan kelengkapan lain yang terbaik dan tidak lagi mengulangi kerehah, merompak melalui komisen keterlaluan sehingga kelengkapan kita ini kurang keupayaan untuk medan pertahanan yang mantap," katanya.

Anwar berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Program Pemerkasaan Usahawan Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Wisma Perwira ATM, di sini pada Isnin.

Hadir sama, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamad Hasan.

Perdana Menteri berkata, dalam menjaga kestabilan dan keamanan negara, keupayaan aset pertahanan adalah satu perkara yang tidak boleh dimungkir-

PENYAMPAIAN GERAN SOKONGAN PENGUKUH KEUSAHAWANAN LUAR BANDAR (SPKLB) KEPADA KEMENTERIAN KEMAMPUAN DESA & WILAYAH



Anwar (dua dari kiri) menyampaikan geran Sokongan Pengukuhan Keusahawanan Luar Bandar (SPKLB) kepada Staf Sarjan Azman Radin (Bersara) (tiga dari kanan) pada Program Pemerkasaan Usahawan Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Wisma Perwira ATM, Kuala Lumpur pada Isnin.

(dipandang ringan), walaupun beliau pasti ada pihak yang akan meremehkan usaha kerajaan menambah peruntukan perbelanjaan bagi memperkasakan keupayaan ATM.

"Saya ingin beritahu, tanggungjawab kita ialah untuk memberikan satu gambaran serta menetapkan dasar agar keupayaan keselamatan dan pasukan pertahanan negara

lengkap dan mantap.

"Jadi hentikan cara dan amalan lama. Saya tidak peduli walaupun kita disanggah (dilawan) di luar kerana kita bicara (bertegas) tentang soal tatakelola rasuah dan komisen berlebihan," ujarnya.

Selain itu, beliau berkata, dalam pada pasukan tentera dan badan berkuasa lain bertungkus lumus menjaga keselamatan negara, adalah wajar juga untuk kemudahan asas dan kebajikan golongan berkenaan ditambah baik bagi menghargai pengorbanan yang dilakukan.

Oleh itu, sebagai Menteri Kewangan, Anwar memaklumkan, beliau telah meluluskan peruntukan tambahan sebanyak RM200 juta tahun ini untuk menaik taraf kelengkapan dan rumah daif pasukan tentera, serta RM40 juta untuk perumahan polis termasuk di kawasan keselamatan khas Pantai Timur Sabah (Esscom). - *Bernama*

3 OGOS 2023 | KHAMIS | HARIAN METRO | MUKA SURAT : 14



TIGA suspek diiringi pegawai SPRM di Mahkamah Majistret Labuan.

Tiga direman buat tuntutan rondaan palsu lebih RM100,000

Labuan: Tiga individu termasuk dua pegawai pasukan seragam direman lima hari kerana disyaki menggunakan dokumen yang mengandungi butiran matan palsu bagi tujuan tuntutan tugas rondaan berjumlah lebih RM100,000.

Perintah reman bermula semalam hingga 7 Ogos itu dikeluarkan Majistret Lovely Natasha Charles selepas

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengemukakan permohonan berkenaan di Mahkamah Majistret Labuan, pagi semalam.

Menurut sumber, ketiga-tiga suspek termasuk seorang wanita berusia dalam lingkungan 30 tahun dipercayai ditahan kira-kira jam 2.30 petang semalam di pejabat SPRM Labuan.

Katanya, ketiga-tiga suspek yang bertugas di Labuan dan Tawau dipercayai melakukan perbuatan itu pada 2019.

Sementara itu, Pengarah SPRM Labuan, Datu Robbyie Shym Datu Pindatun ketika dihubungi mengesahkan tangkapan berkenaan dan kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

6 OGOS 2023 | AHAD | SINAR HARIAN | MUKA SURAT : 10

10

6 OGOS 2023 | SINAR AHAD



Mampu tangani cabaran, krisis keterjaminan makanan

Peladang, penternak, nelayan tunjang kestabilan Malaysia Madani



Teknologi, inovasi serta kaedah-kaedah baharu mampu tingkatan hasil pengeluaran bekalan makanan.

“

Sesungguhnya golongan peladang, penternak dan nelayan adalah komuniti yang sepatutnya dibela kerana mereka adalah rakyat Malaysia Madani yang berkorban dan berjuang demi memastikan kestabilan negara dalam erti kata ketersediaan bekalan makanan yang mencukupi, selamat dan bernutrisi.



Keterjaminan makanan merupakan elemen penting bagi memastikan kelestarian hidup rakyat.

Keberkesanan dasar-dasar serta program-program kerajaan persekutuan dalam membangunkan infrastruktur fizikal serta sosioekonomi rakyat Malaysia dilihat telah memberi kesan yang positif kepada pertumbuhan populasi negara yang dijangka akan mengalami pertumbuhan sebanyak 33.4 juta orang pada tahun ini.

Berdasarkan perangkaan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada 31 Julai 2023, jangkaan jumlah populasi penduduk negara itu merupakan pertambahan pada kadar 2.1 peratus berbanding 32.7 juta orang pada tahun 2022. Malah, secara relatifnya populasi

penduduk negara dijangka akan terus mengalami pertumbuhan pada kadar 0.2 peratus setahun.

Secara umumnya, pertumbuhan populasi penduduk seringkali dilihat berkait rapat dengan permintaan bekalan makanan. Pendek kata, semakin ramai penduduk, maka semakin tinggih permintaan makanan dalam sesebuah negara.

Jangkaan ini bagaimanapun sentiasa menjadi perhatian utama dalam 'radar' kerajaan persekutuan khususnya Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui agensinya Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP). Hari ini, perhatian tersebut berjaya diterjemah dan disemarakkan lagi di bawah kerangka dasar dan kepimpinan Malaysia Madani.

Usaha murni ini dapat diteliti melalui peranan aktif telah dimainkan oleh LPP yang terus menerus mencari alternatif bagi meningkatkan hasil pengeluaran makanan yang mencukupi dalam negara sekaligus menangani cabaran masa depan, mengangkat martabat serta memperkasakan peranan golongan peladang, penternak dan nelayan dalam sektor agromakanan negara.

Strategi menghadapi cabaran keterjaminan makanan

Kesungguhan LPP dalam menangani cabaran keterjaminan makanan serta memperkasakan para peladang, penternak dan nelayan tempatan dijelaskan Ketua Pengarahnya, Datuk Azulita Salim yang menyifatkan

golongan tersebut memainkan peranan besar kepada kestabilan negara.

“Sesungguhnya golongan peladang, penternak dan nelayan adalah komuniti yang sepatutnya dibela kerana mereka adalah rakyat Malaysia Madani yang berkorban dan berjuang demi memastikan kestabilan negara dalam erti kata ketersediaan bekalan makanan yang mencukupi, selamat dan bernutrisi.”

“Golongan ini adalah wira tidak didendang dan merupakan harapan negara dalam 'Keterjaminan Makanan Untuk Masa Depan',” ujarnya.

Tambah Azulita, kerajaan persekutuan khususnya LPP telah pun menggaris serta melaksanakan pelbagai inisiatif antaranya melaksanakan reformasi pemodenan sektor pertanian berkonsep pintar sebagai 'game changer' di bawah Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) yang memfokuskan pendekatan berasaskan teknologi moden dan pembangunan mampan selari dengan Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0) seterusnya memenuhi Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) 2030.

Inisiatif itu katanya ditambah lagi dengan peningkatan pembiayaan awam dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) selain pembangunan inovasi pertanian dengan penyertaan proaktif institusi pengajian awam dan sektor swasta.

Malah, reformasi sektor pertanian dan agromakanan negara ini turut mengambil kira kesan perubahan iklim global serta gangguan dalam rantaian bekalan makanan global kesan daripada

6 OGOS 2023 | AHAD | SINAR HARIAN | MUKA SURAT : 11 (sambungan daripada muka surat 10)

SINAR AHAD | 6 OGOS 2023

11



perang Ukraine-Russia. Usaha ini bagi memastikan sektor agromakanan serta golongan peladang, penternak dan nelayan tempatan terus kekal relevan serta berdaya saing di samping mengurangkan penggantungan negara terhadap import bahan makanan.

Jelasnya lagi, komitmen kerajaan persekutuan ini turut diperkukuhkan dengan penyediaan peruntukan besar sebanyak RM5.39 bilion bagi tahun 2023 berbanding RM4.81 bilion pada tahun sebelumnya. Pertambahan peruntukan pada kadar 12.06 peratus ini adalah untuk memastikan kerangka pelaksanaan DAN 2.0 dan Pelan Tindakan Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 dapat dicapai sepenuhnya merangkumi empat dimensi iaitu ketersediaan, akses, penggunaan serta kestabilan dan kemampuhan.

Selain itu, reformasi pemodenan sektor pertanian dan agromakanan turut melibatkan penggalakan penyertaan lebih ramai golongan belia sebagai agenda utama KPKM di samping mengadaptasi teknologi moden, inovasi serta R&D sektor pertanian.

Penglibatan golongan belia ini merupakan satu perkara kritikal bagi memastikan kelestarian sektor pertanian dan makanan negara sekaligus menangani pergantungan tenaga kerja asing selain isu 'ageing farmers'.

"Sektor agromakanan menyediakan peluang serta prospek perniagaan yang luas bagi golongan belia. Dengan lebih ramai penglibatan golongan belia, membantu meningkatkan keterjaminan makanan serta menstabilkan harga bekalan yang boleh dimanfaatkan kepada seluruh rakyat," jelas Azulita.

Bagi menangani cabaran kos sara-hidup khususnya bahan asas makanan yang semakin meningkat, Lembaga Pertubuhan Peladang melalui kesemua Pertubuhan Peladang di bawahnya telah melaksanakan program-program

STRATEGI PERMODENAN SEKTOR PETANIAN DAN AGROMAKANAN NEGARA

- Pelaksanaan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0)
- Pelan Tindakan Sekuriti Makanan Negara 2021-2025.

PELAN KORPORAT LPP 2021-2025

5 Objektif Utama:

- Menyediakan aktiviti utama yang perlu diberi fokus tumpuan jangka pendek dan jangka panjang.
- Menyediakan penjelasan mengenai peranan LPP dalam pembangunan PP dan pertanian serta impak program yang dijalankan di semua peringkat.
- Menyediakan skop fungsi utama yang dijalankan sebagai panduan kepada semua anggota dalam melaksanakan tugas transformasi pembangunan, pengurusan dan regulatori Pertubuhan Peladang (PP).
- Mempromosikan kreativiti dan inovasi dalam melaksanakan aktiviti selaras dengan nilai-nilai bersama yang disepakati.
- Sebagai garis panduan (blue print) kepada semua anggota dalam melaksanakan tugas.



Penternakan antara aktiviti utama yang menjadi fokus LPP dalam menjamin kelestarian sektor agromakanan.

bagi memendekkan rangkaian pasaran pukal dan runcit dari ladang kepada pengguna. Ini termasuk mewujudkan 'Peladang Outlet', 'Pasar Peladang' Jualan Agro-Madani dan lain-lain pendekatan rangkaian pasaran yang telah diwujudkan di seluruh negara secara harian, mingguan atau bulanan.

Pemerkasaan Peladang, Penternak dan Nelayan

Cabaran keterjaminan makanan turut diperkukuhkan dengan pelaksanaan 10 Teras Strategi dalam Pelan Korporat Ke-7 (2021-2025) yang digariskan oleh LPP yang menyaksikan golongan peladang, penternak dan nelayan berjaya diperasakan dari segi rantaian pengeluaran, bekalan dan pemasaran.

Teras strategi LPP ini bakal melibatkan pembukaan 50 Peladang Outlet (PO) di samping penggunaan

aplikasi pembayaran tanpa tunai (cashless) secara meluas menerusi sistem jualan secara dalam talian (online) yang mampu meningkatkan pendapatan peladang, penternak dan nelayan.

Selain itu, peladang, penternak dan nelayan juga bersama-sama institusi Pertubuhan Peladang (PP) secara aktif menerapkan aspek digitalisasi seperti 'Internet of Things' (IoT) dalam projek projek pertanian dan agromakanan selari dengan IR4.0.

Secara keseluruhannya, usaha kerajaan persekutuan di bawah kerangka dasar kepimpinan Malaysia Madani telah memberi perhatian khusus kepada pengukuhan serta pemerkasaan golongan peladang, penternak dan nelayan.

LPP yang genap 50 tahun usia penubuhannya jelas berjaya menjadi peneraju unggul meliputi 295 institusi

Pertubuhan Peladang dengan keahlian berjumlah 965,195 orang di seluruh negara sekaligus meletakkan pergerakan PP sebagai institusi yang kukuh dalam memberi manfaat kepada golongan masyarakat peladang.

Justeru, Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan Ke-48 kali ini merupakan kesinambungan manifestasi penghargaan ke atas jasa serta peranan besar golongan peladang, penternak dan nelayan dalam membentuk hala tuju negara sejak era Bapa Pembangunan Negara, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein memulakan sambutan ini pada tahun 1975.

Ibarat tunjang, golongan peladang, penternak dan nelayan akan terus kekal sebagai elemen terpenting kepada rakyat dan negara dan terus mampu menghadapi cabaran dan perubahan masa.



Kumpulan nelayan merupakan salah satu daripada komponen utama yang mendapat nikmat di bawah kerangka DAN 2.0 dan Pelan Tindakan Sekuriti Makanan Negara 2021-2025.



Sektor agromakanan membuka peluang dan pasaran yang boleh menjana pendapatan besar.



Lembaga Pertubuhan Peladang Malaysia



@lpp_malaysia



@LPP_Malaysia



LPP TV

"LAHIR PELADANG PROGRESIF"



10 OGOS 2023 | SELASA | KOSMO | MUKA SURAT : 6

Guru besar terlibat rasuah dijel sehari, denda RM10,000

SHAH ALAM - Tindakan seorang guru besar terlibat dalam kes rasuah berhubung kerja-kerja selenggara, naik taraf bangunan Sekolah Rendah Agama (SRA) dalam daerah Petaling dan Kuala Selangor pada empat tahun lalu, mengundang padah apabila dia dihukum penjara sehari serta denda RM10,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini pada Rabu.

Kamaludin Sahlan, 51, dikenakan hukuman itu selepas menukar pengakuan kepada bersalah, ketika prosiding kes di hadapan Hakim, Datuk Anita Harun.

Sekiranya gagal membayar denda tersebut, mahkamah memerintahkan bapa kepada seorang anak itu di penjara selama lima bulan.

Mahkamah turut mengarahkan wang RM100,000 dalam akaun Tabung Haji milik seorang lelaki atas kesalahan Kamaludin, dilucutkan kepada kerajaan Malaysia selain wang jaminan RM30,000 dikembalikan kepada tertuduh.

Semasa prosiding, peguam, Mohd Shahrullah Khan Nawab Zadah Khan yang mewakili Kamaludin, merayu agar anak guamnya dikenakan hukuman ringan dengan alasan menyesal atas kesalahan yang dilakukan.

Bagaimanapun, Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Mohd Aliiff Shaharuzaman membantah permohonan itu.

Sebelum ini, Kamaludin bertugas di sebuah SRA dalam daerah Petaling, didakwa meminta 1.1 peratus nilai projek daripada seorang lelaki, sebagai dorong-

an serta membantu individu tersebut mendapatkan kerja-kerja selenggara dan naik taraf bangunan dan infrastruktur SRA dalam dua daerah terbabit.

Tertuduh juga didakwa menerima RM164,800 menerusi pindahan atas talian ke akaun bank miliknya daripada seorang lelaki berusia 53 tahun atas tujuan sama.

Perbuatan itu dilakukan di sebuah premis di Telok Panglima Garang, Kuala Langat dan sebuah cawangan bank di Kota Kemuning, Seksyen 31 di sini antara Mei 2019 hingga 21 April 2021.



Kamaludin hadir di Mahkamah Sesyen Shah Alam pada Rabu, bagi menghadapi dua pertuduhan kes rasuah empat tahun lalu.

10 OGOS 2023 | SELASA | HARIAN METRO | MUKA SURAT : 3

Tawau: Seorang kontraktor yang juga pemilik syarikat mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas 15 pertuduhan menggunakan dokumen palsu untuk mendapatkan kerja penyelenggaraan berjumlah lebih RM1.1 juta tiga tahun lalu.

Tertuduh, Lahama Abdul Halim, 45, didakwa dengan curangnya mengemukakan suatu dokumen palsu sebagai tulen iaitu penyata bank syarikat miliknya, Fajar Mario Engineering dan Raudhah Enterprise kepada Jabatan Pendidikan Negeri Sabah di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Prihatin 2020.

Selain 12 penyata akaun bank, tertuduh juga didakwa memalsukan dokumen Bahagian Pembangunan

Kontraktor tak mengaku guna dokumen palsu



LAHAMA (kanan), Norman (tengah) dan Juhaniifah mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Tawau, semalam.

Kontraktor dan Usahawan, Perakuan Pendaftaran CIDB Malaysia serta Sijil Perolehan Kerja CIDB Malaysia yang kesemuanya atas na-

ma syarikat Raudhah Enterprise.

Semua dokumen palsu berkenaan digunakan untuk tujuan menipu bagi

mendapatkan Seburhaga Kerja-kerja Penyelenggaraan Bangunan dan Pagar, Baik Pulih, Naik Taraf Dan Kemudahan Lain yang berkaitan di empat buah sekolah menengah iaitu masing-masing di SMK Kinabutan, SMK Abaka, SMK Balung dan SMK Kalabakan.

Tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu di sekolah terbabit antara 17 hingga 28 Julai 2020.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum mengikut Seksyen 468 akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum tujuh tahun dan denda, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Sabah, Nurul Izzati Sapifee menawarkan jaminan RM20,000 dengan seorang penjamin serta syarat tambahan iaitu pasport antarabangsa diserahkan kepada Mahkamah, dikehendaki melapor diri kepada SPRM Tawau dua bulan sekali serta dilarang mendekati saksi pendakwaan.

Hakim Jason juga, kemudiannya menetapkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM20,000 dengan deposit RM5,000 serta membenarkan kesemua syarat tambahan seperti yang dipohon pihak pendakwaan semantara menunggu sebutan se-

mula kes pada 12 September depan.

Sementara itu, rakan kongsi syarikat Fajar Mario Engineering, Norman Jamil, 42 dan seorang lagi pemilik bersama Raudhah Enterprise, Juhaniifah Musa, 36, masing-masing turut mengaku tidak bersalah atas pertuduhan bersubabhat mengemukakan dokumen palsu bersama Lahama.

Mahkamah kemudiannya menetapkan kedua-dua pertuduhan itu disebut semula pada 12 September depan dan menetapkan ikat jamin sebanyak RM20,000 (deposit RM5,000) selain tertuduh perlu melapor diri kepada SPRM Tawau dua bulan sekali.

10 AUGUST 2023 | TUESDAY | THE SUN | MUKA SURAT : 13

Local wholesale, retail trade expands in June

► Monthly sales value up 4.3% year-on-year to RM138.5 billion

PUTRAJAYA: Malaysia's wholesale and retail trade recorded monthly sales value of RM138.5 billion, increasing 4.3% year-on-year in June.

For quarterly performance, sales of wholesale and retail trade registered RM412.4 billion in second quarter, grew 5.7%.

In a statement yesterday, Chief statistician Malaysia Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin said, "The increase of 4.3% for wholesale and retail trade in June was attributed to retail trade sub-sector, which rose 5.8% or RM3.2 billion to register RM59.4 billion. Wholesale trade also expanded by registering 3.1% or RM1.9 billion to RM62.4 billion, followed by motor vehicles with an increase of 3.4% or RM0.6 billion to settle at RM16.7 billion."

Month-on-month, sales value of wholesale and retail trade inched up 0.3% or RM0.5 billion. This monthly growth was contributed by retail trade with an increase of RM0.6 billion or 1.0%, followed by wholesale trade sub-sector of 0.3% or RM0.2 billion. On the other hand, motor vehicles declined -1.9%.

Looking at the performance across sub-sectors, Mohd Uzir said, "The growth of 5.8% for retail trade in this month was supported by retail sales in non-specialised stores which continued its upward trend to register 10.9% or RM2.2 billion to RM22.8 billion. Other groups in this sub-sector also recorded positive growth namely retail sales of automotive fuel 8.5%, retail sales of food, beverages and tobacco 12.6%, retail sales in specialised stores 2.7%, retail sales not in stores, stalls or market 2%, and retail sales in stalls and market 5.8%."

Month-on-month, sales of this sub-sector rebounded 1%, with most of the groups registered a positive growth.

Mohd Uzir said the increase of 3.1% in wholesale trade was attributed to wholesale of food, beverages & tobacco which rose RM0.9 billion or 7.8% to RM12.2 billion. This was followed by wholesale of household goods 4.8%, wholesale of agricultural raw materials and live animals 4.7%, non-specialised wholesale trade 11.4%, wholesale on a fee or contract basis 9.2%, and wholesale of machinery,

equipment and supplies 1.1%. For monthly comparison, wholesale trade rose 0.3%, mainly attributable to other specialised wholesale and wholesale of household goods which increased 2.7% and 0.6%, respectively.

Mohd Uzir said, "The 3.4% growth for motor vehicles sub-sector in this month was pushed up by sales of motor vehicles parts & accessories and maintenance & repair motor vehicles with 18.3% and 20%,

respectively. However, sales of motor vehicles declined -3.8%. For monthly comparison, this sub-sector slipped -1.9%, dragged down by sales of motor vehicles with -4.7%."

The year-on-year increase of 5.7% in second quarter this year for wholesale & retail trade was underpinned by retail trade sub-sector which expanded RM13 billion or 7.8% to RM178.7 billion. This was followed by wholesale trade which rose 3.6% or RM6.4 billion to reach RM185.5 billion. Motor vehicles sub-sector also grew with 6.2% or RM2.8 billion to record RM48.3 billion in this quarter.

As for quarter-on-quarter

comparison, this sector rose 1.2%.

For index of retail sale over the internet, the index recorded 1.5% growth year-on-year in June as compared to -0.8% in May. For seasonally adjusted value, the index edged up 0.8% as against the previous month.

In terms of volume index, wholesale & retail trade for June registered a year-on-year growth of 3.1%. The expansion was attributed to all sub-sectors namely wholesale trade 4.5%, motor vehicles 3.1%, and retail trade 2.6%. For seasonally adjusted volume index, it declined -2.2% month-on-month.



17 OGOS 2023 | KHAMIS | SINAR HARIAN | MUKA SURAT : 11

SINAR HARIAN • KHAMIS 17 OGOS 2023

NASIONAL | 11

Op BPT bantu banteras penyelewengan beras

SHAH ALAM - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan melaksanakan Operasi Beras Putih Tempatan (Op BPT) bermula Rabu bagi membanteras isu penipuan dan penyelewengan BPT serta beras putih import (BPI) seperti yang dilaporkan media baru-baru ini.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, Op BPT akan memberi fokus pemeriksaan dan penguatkuasaan ke atas kilang padi (komersial) serta pemborong agar keseluruhan bekalan pengedaran beras di semua peringkat mematuhi peraturan sedia ada.

Menurutnya, KPKM melalui Kawalselia Padi dan Beras (KPB) telah berkolaborasi secara strategik bersama Bahagian Penguat Kuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) melalui Op Jamin bermula 7 Julai lalu bagi meningkatkan kapasiti penguatkuasaan dan pemantauan seluruh negara.

"Sehingga 10 Ogos lalu, sebanyak 925 pemeriksaan telah dilaksanakan antara KPKM dan KPDN di seluruh negara bagi memastikan kestabilan bekalan BPT sentiasa terjamin.

"KPKM memandang serius berkenaan dakwaan penipuan oleh pemborong



Mohamad (tiga dari kiri) menerima kunjungan hormat daripada delegasi Duta Besar Republik Uzbekistan, Ravshan Usmanov pada Selasa.

beras tempatan yang membungkus semula kimpit BPT menjadi BPI yang tidak dikawal harganya oleh kerajaan," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Tambah beliau, KPKM akan mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak yang didapati membuat kesalahan perihal satu kenyataan palsu mengenai gred beras di bawah Seksyen

21 Akta Kawalselia Padi dan Beras (Akta 522).

"Individu boleh didenda sehingga RM25,000, dipenjarakan tidak melebihi tempoh dua tahun atau kedua-duanya sekali dan syarikat didenda sehingga RM50,000," ujarnya.

Orang ramai diminta menghantar sebarang maklumat mengenai bekalan atau penipuan yang berlaku ke e-mel aduankpb@kpkm.gov.my atau menerusi talian 03-88701751/1748/1183.

Sementara itu, pada Selasa, Mohamad menerima kunjungan hormat Duta Besar Republik Uzbekistan, Ravshan Usmanov.

Pertemuan itu membincangkan cadangan *Uzbekistan Center of Knowledge and Innovation in Agriculture* untuk menandatangani memorandum persefahaman (MoU) kerjasama dengan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

Pada masa sama, Mohamad turut menerima undangan daripada Menteri Pertanian Uzbekistan untuk menghadiri *International Conference on Food Security (ICFS)* yang dijadualkan pada September depan di Samarkand, Uzbekistan.

18 OGOS 2023 | JUMAAT | HARIAN METRO |
MUKA SURAT : 20

91 klinik daif sudah dinaik taraf: Dr Zaliha

Putrajaya: Sebanyak 91 daripada 436 klinik kesihatan daif di seluruh negara sudah dinaik taraf manakala selebihnya dijangka selesai menjelang hujung tahun ini.

Menteri Kesihatan Dr Zaliha Mustafa berkata, kerja baik pulih itu dilaksanakan kementeriannya secara berfasa bagi 1,200 klinik kesihatan daif yang sudah dikenal pasti di seluruh negara.

“Untuk tahun ini, kita kenal pasti 436 klinik daif yang akan dibaik pulih dan pada tahun depan, kita sasarkan lebih 300 klinik lagi.

“Kerja naik taraf ini akan dilaksanakan secara berfasa dengan kos RM110 juta,” katanya pada sidang media selepas merasmikan Per-

sidangan dan Pameran Pengurusan Fasiliti Penjagaan Kesihatan (HcFM Confex) 2023, di sini, semalam.

Menurutnya, jumlah klinik kesihatan daif yang paling banyak dikenal pasti adalah di Terengganu sebanyak 58 klinik, diikuti Negeri Sembilan 44 klinik dan Perak serta Pahang masing-masing 42 klinik.

Sementara itu, dalam ucapannya, Dr Zaliha berkata, HcFM Confex 2023 dengan tema Pengurusan Fasiliti Penjagaan Kesihatan Mampan Melalui Teknologi dan Inovasi adalah platform yang sesuai untuk mengetengahkan keperluan inovasi menjurus kepada teknologi hijau, kecukupan tenaga dan daya tahan industri.



DR Zaliha (dua dari kanan) melawat pameran selepas merasmikan Healthcare Facility Management Conference 2023 di Putrajaya, semalam.

18 OGOS 2023 | JUMAAT | KOSMO | MUKA SURAT : 4



PEJAWAT awam ingkar perintah PAC merupakan satu kesalahan kerana menghina Majlis Parlimen.

Ingkar perintah PAC satu kesalahan

PUTRAJAYA – Setiap penjawat awam perlu bersedia memberi kerjasama bagi maksud keterangan, penjelasan atau apa-apa maklumat yang diperlukan jika dipanggil ke prosiding Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Zuki Ali berkata, PAC mempunyai kuasa memanggil atau meminta mana-mana individu untuk hadir dari semasa ke semasa.

“Kegagalan mana-mana penjawat awam masih bertugas atau bersara mematuhi perintah PAC dianggap sebagai kesalahan kerana menghina Majlis

Parlimen,” katanya.

Menurut Mohd. Zuki, penjawat awam tertakluk kepada undang-undang termasuk Akta Rahsia Rasmi 1972, Akta Keterangan 1950 dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

Tambahnya, bagi pegawai kerajaan yang sedang berkhidmat, suatu garis panduan telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 21 Mac lalu.

Mohd. Zuki berkata, garis panduan itu adalah bagi memberi penjelasan dan panduan dalam memberi keterangan di hadapan mana-mana jawatankuasa pilihan dalam Dewan Rakyat termasuk PAC.

18 OGOS 2023 | JUMAAT | SINAR HARIAN | MUKA SURAT : 5

300 lagi akan dinaik taraf dengan kos RM110 juta pada tahun depan

KKM baik pulih 91 klinik daif, usang

Oleh KAMARIAH KHALIDI

PUTRAJAYA – Sebanyak 1,200 klinik kesihatan di seluruh negara dikenal pasti sebagai premis yang usang dan daif dengan 91 daripadanya sudah siap dibaik pulih, manakala 341 lagi dijangka selesai akhir tahun ini.

Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa berkata, kerja membaik pulih dan menaik taraf dijalankan secara berfasa.

Katanya, sebanyak 436 klinik daif akan dibaik pulih tahun ini.

"Setakat ini, sebanyak 341 klinik sedang dinaik taraf, manakala 91 telah selesai dan empat lagi masih dalam proses perolehan.

"Tahun depan kita sasarkan 300 klinik lagi untuk dinaik taraf dengan kos RM110 juta," katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Pelancaran Healthcare Facility Management Conference and Exhibition 2023 di sini

semalam.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dipetik sebagai berkata, kerajaan akan menambah baik 436 fasiliti dan klinik kesihatan menjelang akhir tahun ini.

Menurut Zaliha, Terengganu mempunyai klinik daif terbanyak iaitu 58, diikuti Negeri Sembilan (44) manakala Perak dan Pahang masing-masing 42 klinik.

Sementara itu, Zaliha berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) mempunyai cara untuk menangani masalah bekalan ubat ekoran status Nota Amalan 17 (PN17) yang dihadapi Pharmaniaga Bhd.

"Bekalan ubat tak terjejas kerana Pharmaniaga hanya terlibat daripada sudut pengedaran atau logistik. Kita akan berurusan terus dengan syarikat bekalan ubat, jadi tiada kesan atas statu PN17 itu," katanya.

Sebelum ini, Bursa Malaysia

Securities Berhad mengumumkan Pharmaniaga telah mencetuskan kriteria Keperluan Penyebaran Pasaran Utama.

Dalam perkembangan berlainan, Zaliha berkata, pemindahan untuk penempatan dalam kalangan kakitangan perubatan yang berlaku tidak menjejaskan perkhidmatan di fasiliti-fasiliti KKM.

"Kita telah selesai melakukan pemindahan petugas kesihatan khususnya di Sabah dan Sarawak. Kekosongan di Semenanjung akan segera dipenuhi untuk memastikan perkhidmatan kesihatan kita tidak terjejas," katanya.

Pada 20 Julai lalu, terdapat dakwaan mengatakan 1,000 pegawai perubatan hospital di Kuala Lumpur dan Selangor akan dipindahkan ke Sabah dan Sarawak dan situasi tersebut dijangka memberi kesan kepada hospital awam utama.



ZALIHA (tengah) mendengar penerangan yang diberikan petugas reruai ketika membuat tinjauan di Putrajaya semalam.